

Penggunaan Modul Act, Believe Dan Achieve Dalam Pengajaran Bahasa Tamil Di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

*Sheela Devi Veerasamy / *Mohana Dass Ramasamy / Saravanan Parameswaran*

Department of Indian Studies, University Malaya

17193979@siswa.um.edu.my / rmohana_dass@um.edu.my / 17029132@siswa.um.edu.my

Manuscript received 21 July 2025

Manuscript accepted November 2025

*Corresponding author/First Author

Abstrak

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneliti penggunaan Modul Act, Believe and Achieve (ABA) dalam konteks pengajian Bahasa Tamil (SJKT) di Malaysia. Modul ini telah dibangunkan berdasarkan teori Konstruktivisme dan Pendekatan Pengajaran Bahasa Komunikatif (Communicative Language Teaching (CLT)). Lebih lagi, Modul ini mengintegrasikan kaedah drama dan main peranan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan keyakinan murid dalam Pembelajaran Bahasa Tamil di bilik darjah. Kajian ini dibangunkan dengan menggunakan reka bentuk kaedah campuran iaitu kuantitatif dan kualitatif yang melibatkan borang soal selidik, temubual separa berstruktur dan pemerhatian. Samplek kajian pula terdiri daripada 14 guru Bahasa Tamil dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Negeri Sembilan dan Selangor. Analisis data kuantitatif diperolehi dengan menggunakan statistik deskriptif. Manakala, data kualitatif dianalisis melalui pengodean tema dan triangulasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru mempunyai persepsi positif terhadap pelaksanaan Modul ABA di bilik darjah. Lebih lagi, Modul ABA dapat meningkatkan motivasi, kefasihan berbahasa serta kreativiti di kalangan murid. Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan pedagogi berasaskan drama dan main peranan amat relevan dan sesuai sejajar dengan kenyataan dalam PPPM 2013-2025 yang tidak menafikan bahawa proses pelaksanaan transformasi pendidikan perlukan pendekatan dan kaedah pedagogi yang baharu ke arah penguasaan kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21. Hasil kajian mencadangkan agar latihan berterusan mengenai pelaksanaan modul ini perlu diberikan kepada para guru. Selain itu, dasar sokongan pentadbir sekolah dalam menyediakan kemudahan infrastruktur juga diperlukan untuk menjalankan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Modul ABA ini. Tambahan, pendekatan kaedah Drama dalam PdP juga perlu dimasukkan sebagai salah satu Hasil Pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum Pelajaran (DSKP).

Kata kunci : Modul ABA, Bahasa Tamil, Drama dalam Pendidikan, Konstruktivisme, Pengajaran Komunikatif.

Abstract

The main purpose of this study is to examine the use of the Act, Believe and Achieve (ABA) Module in the context of Tamil Language education in Tamil National-Type Schools (SJKT) in Malaysia. This module has been developed based on Constructivism theory and the Communicative Language Teaching (CLT) approach. Furthermore, this module integrates drama and role-play methods in Tamil Language Teaching and Learning to enhance students' communication skills and confidence in learning Tamil language in the classroom. This study was developed using a mixed-method design, namely quantitative and qualitative, involving questionnaires, semi-structured interviews, and observations. The study sample consisted of 14 Tamil language teachers from Tamil National-Type Schools in Negeri Sembilan and Selangor. Quantitative data analysis was obtained using descriptive statistics, while qualitative data was analyzed through

thematic coding and triangulation. The study findings show that teachers have positive perceptions towards the implementation of the ABA Module in the classroom. Moreover, the ABA Module can increase motivation, language fluency, and creativity among students. This study affirms that pedagogy approaches based on drama and role-play are highly relevant and appropriate, aligned with the statement in the Malaysia Education Blueprint (PPPM) 2013-2025, which acknowledges that the process of implementing educational transformation requires new pedagogical approaches and methods toward mastering the skills needed in the 21st century. The study results suggest that continuous training regarding the implementation of this module needs to be provided to teachers. Additionally, support policies from school administrators in providing infrastructure facilities are also needed to conduct the Teaching and Learning activities of this ABA Module. Furthermore, the drama method approach in Teaching and Learning also needs to be included as one of the Learning Outcomes in the Curriculum Standards Document (DSKP).

Keywords: ABA Module, Tamil Language, Drama in Education, Constructivism, Communicative Teaching

Pengenalan

Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa tambahan utama dalam sistem pendidikan vernakular Malaysia dan memainkan peranan penting dalam membentuk identiti linguistik serta budaya masyarakat India tempatan (Ramakrishnan, 2024). Pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) bertujuan membina kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam kalangan murid supaya mereka dapat menggunakan bahasa tersebut secara efektif dalam kehidupan seharian (Subramaniam & Rajan, 2023). Justeru itu, salah satu tujuan utama pelaksanaan pelaksanaan PPPM 2013-2025 ke arah gelombang transformasi yang telah diutamakan adalah perlunya inovasi dalam pendidikan PdP bagi melahirkan murid yang mampu berfikir kreatif dan kritis dan mampu bersaing dengan dunia global.

Namun begitu, pelaksanaan pengajaran di sekolah rendah masih menghadapi pelbagai cabaran seperti kekurangannya pendekatan inovatif, tumpuan berlebihan terhadap hafalan, dan penglibatan murid yang pasif (Gopinath & Kumar, 2023). Kajian Vygotsky (1978) dan Richards (2020), menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa yang berkesan perlu berasaskan pengalaman dan interaksi sosial. Dalam konteks ini, pendekatan berasaskan drama dan main peranan semakin mendapat perhatian kerana ia bukan sahaja memperkukuh kemahiran linguistik tetapi juga membina aspek afektif seperti keyakinan, empati, dan kreativiti (Hu et al., 2025; Luo, 2024). Kajian tempatan oleh Shanmugam (2021) dan Ramalingam et al. (2022) turut membuktikan bahawa pendekatan interaktif seperti penceritaan digital dan aktiviti dramatik dapat membantu pelajar Tamil memahami konteks bahasa dengan lebih mendalam.

Sebagai respon terhadap keperluan tersebut, Modul Act, Believe and Achieve (ABA) diperkenalkan untuk mengintegrasikan teori Konstruktivisme dan Communicative Language Teaching (CLT) dalam pengajaran Bahasa Tamil. Modul ini menumpukan tiga fasa pembelajaran utama:

1. Act - pelajar melibatkan diri dalam aktiviti drama, lakonan, dan simulasi,
2. Believe - pelajar membina keyakinan diri melalui refleksi sendiri dan maklum balas guru, dan
3. Achieve - pelajar menghasilkan pencapaian linguistik melalui persembahan, penulisan, dan komunikasi sebenar.

Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)* yang menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman dan pembangunan kemahiran komunikasi abad ke-21. Justeru, kajian ini memberi tumpuan untuk meneroka penggunaan Modul ABA dalam pengajaran Bahasa Tamil, khususnya dari perspektif guru yang berperanan sebagai pelaksana utama di sekolah.

Masalah Kajian

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan untuk memperkaya pengajaran Bahasa Tamil, keberkesanannya masih terhad disebabkan oleh pendekatan tradisional dan kekangan pedagogi yang berterusan (Kupusamy et al., 2022; Raman & Tan, 2018). Kebanyakan guru masih menggunakan kaedah berpusatkan guru dan tumpuan terhadap tatabahasa semata-mata, tanpa memberi ruang kepada murid untuk meneroka bahasa secara aktif (Subramaniam & Rajan, 2023). Hal ini menyebabkan murid cenderung menghafal tanpa memahami, serta kurang keyakinan untuk bertutur dalam bahasa Tamil dengan lancar (Gopinath & Kumar, 2023).

Kajian Durga Devi (2023) dan Vanitha et al. (2024) menegaskan bahawa pengajaran Bahasa Tamil yang bersifat mekanistik telah menyebabkan motivasi murid menurun dan mereka gagal untuk mengaitkan bahasa dengan konteks kehidupan sebenar. Tambahan pula, sebahagian guru tidak menerima latihan dalam pendekatan berasaskan drama dan pembelajaran aktif, menjadikan mereka kurang bersedia untuk melaksanakan strategi pengajaran inovatif seperti modul ABA (Shanmugam, 2021).

Masalah lain yang telah dikenal pasti dalam kajian ini adalah termasuk kekangan masa untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran, kekurangan bahan bantu mengajar, dan ruang bilik darjah yang terhad. Walaupun pendekatan drama telah terbukti berkesan dalam konteks pengajaran bahasa Inggeris dan Mandarin (Luo, 2024; Meedendorp et al., 2025), pelaksanaannya dalam konteks Bahasa Tamil masih jarang dikaji secara sistematik.

Jurang kajian yang wujud ini menunjukkan keperluan untuk menilai penggunaan Modul ABA sebagai satu usaha memperkenalkan pendekatan pembelajaran bahasa yang lebih komunikatif, menyeronokkan, dan berpusatkan pelajar dalam konteks sekolah Tamil. Kajian ini berpotensi memberikan gambaran yang jelas tentang tahap penerimaan guru, amalan pelaksanaan, dan cabaran sebenar yang dihadapi dalam menerapkan pendekatan berasaskan drama di SJKT.

Objektif dan Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai penggunaan Modul Act, Believe and Achieve (ABA) dalam pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dengan memberi tumpuan kepada pandangan, pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh guru.

Objektif Kajian

1. Menilai persepsi guru terhadap penggunaan Modul ABA dalam pengajaran Bahasa Tamil.
2. Mengenal pasti tahap pelaksanaan Modul ABA oleh guru di bilik darjah.
3. Mengenal pasti cabaran dan kekangan yang dihadapi guru semasa melaksanakan Modul ABA.

Persoalan Kajian

1. Apakah persepsi guru Bahasa Tamil terhadap penggunaan Modul ABA dalam pengajaran mereka?
2. Pada tahap manakah modul ini dilaksanakan dalam konteks bilik darjah SJKT?
3. Apakah faktor-faktor yang menggalakkan atau menghalang pelaksanaan Modul ABA oleh guru?

Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini disusun berdasarkan empat tema utama: (i) teori dan asas pedagogi Modul ABA, (ii) penggunaan pendekatan drama dan main peranan dalam pengajaran bahasa, (ii) inovasi pengajaran Bahasa Tamil di Malaysia, dan (iv) jurang kajian yang memerlukan penerokaan lanjut.

Teori Konstruktivisme dan Pengajaran Komunikatif (CLT)

Teori Konstruktivisme, yang diasaskan oleh Vygotsky (1978) dan Piaget (1954), menegaskan bahawa pelajar membina makna melalui pengalaman, penerokaan dan interaksi sosial. Dalam konteks pembelajaran bahasa, teori ini menyokong konsep *learning by doing* iaitu pelajar memahami sesuatu bahasa melalui pengalaman sebenar dan refleksi (Flick, 2022).

Sementara itu, Communicative Language Teaching (CLT) yang dipelopori oleh Hymes (1972) dan diperluas oleh Richards (2020) menekankan keupayaan pelajar untuk berkomunikasi dalam konteks sebenar. CLT melihat pembelajaran bahasa bukan sekadar menguasai tatabahasa, tetapi juga keupayaan menyampaikan mesej secara bermakna.

Gabungan dua-dua teori ini menjadi asas kepada Modul ABA. Kajian oleh Hu et al. (2025) menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan komunikasi dan kolaborasi dapat meningkatkan pemikiran kritis serta kefasihan linguistik murid. Dapatan Putri (2025) pula membuktikan bahawa CLT berkesan meningkatkan penglibatan murid dalam pembelajaran ESL melalui aktiviti berpasangan dan refleksi interaktif. Oleh itu, Modul ABA berperanan sebagai jambatan antara teori dan amalan melalui tiga fasa utama: *Act* (pengalaman), *Believe* (refleksi), dan *Achieve* (pencapaian).

Pendekatan Drama dan Main Peranan dalam Pengajaran Bahasa

Drama dalam pendidikan telah lama diiktiraf sebagai pendekatan pedagogi yang berkesan untuk membina komunikasi dan empati (Heathcote & Bolton, 1995). Kajian Luo (2024) mendapati bahawa process drama dapat meningkatkan kefasihan dan keberanian pelajar dalam bertutur bahasa asing kerana mereka belajar dalam konteks yang menyeronokkan dan bermakna.

Kajian Hu et al. (2025) menegaskan bahawa pendekatan dramatik menggalakkan critical dialogue dan student agency, manakala Meedendorp et al. (2025) membuktikan bahawa latihan berasaskan teater meningkatkan kesedaran sosial, emosi, dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa.

Dalam konteks tempatan, Rathidevi Shanmugam (2021) menunjukkan bahawa pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil berasaskan teori interaksional dan konstruktivisme meningkatkan kefahaman linguistik pelajar melalui aktiviti interaktif. Begitu juga, Ramalingam et al. (2022) melaporkan peningkatan kemahiran bertutur dan keyakinan pelajar Tamil melalui *digital storytelling* yang juga menekankan unsur dramatik dan penceritaan reflektif.

Kajian antarabangsa oleh Míguez-Alvarez et al. (2025) turut menunjukkan bahawa drama memberi kesan positif terhadap pembelajaran bahasa kedua kerana ia menyediakan persekitaran tanpa tekanan (*low-anxiety environment*) yang memperkukuh keberanian pelajar bertutur. Kesemua kajian ini menyokong prinsip Modul ABA yang menggunakan aktiviti lakonan dan main peranan sebagai strategi pembelajaran berasaskan pengalaman.

Inovasi Modul Bahasa Tamil di Malaysia

Beberapa kajian tempatan menunjukkan keperluan pembangunan modul khusus bagi pengajaran Bahasa Tamil yang bersesuaian dengan keperluan pelajar di SJKT. Kajian Durga Devi (2023) memperkenalkan Prototaip VAGAT, iaitu modul multimedia interaktif untuk meningkatkan kemahiran bertutur murid Tamil. Hasilnya menunjukkan peningkatan dalam kefasihan dan motivasi pelajar. Vanitha et al. (2024) pula membangunkan Modul Penulisan Cerita Tamil berasaskan *Model Inkuiri 5E* dan mendapati model ini meningkatkan kreativiti serta penglibatan pelajar.

Kajian Kupusamy et al. (2022) meneliti kemahiran bertutur pelajar SJKT dan mendapati bahawa murid menghadapi cabaran dalam sebutan, kosa kata dan struktur ayat. Dapatan ini memperkukuh keperluan kepada modul seperti ABA yang menekankan penguasaan lisan melalui aktiviti berasaskan komunikasi dan drama. Selain itu, Gopinath dan Kumar (2023) menekankan bahawa pendekatan gamifikasi dan dramatik mampu meningkatkan minat pelajar Tamil terhadap pembelajaran. Modul ABA, dengan fasa Act, Believe, Achieve, menggabungkan elemen motivasi ini melalui aktiviti kolaboratif dan refleksi diri, menjadikannya seiring dengan pedagogi *Student-Centered Learning (SCL)* yang ditekankan oleh KPM (2023).

Jurang Kajian

Walaupun pelbagai modul telah dibangunkan dalam konteks pengajaran Bahasa Tamil, kebanyakan kajian masih menumpukan kepada kemahiran tatabahasa dan penulisan, manakala aspek komunikasi, drama dan pembelajaran reflektif masih kurang diterokai (Rathidevi, 2021; Durga Devi, 2023). Tambahan pula, tiada kajian terdahulu yang menilai penggunaan Modul ABA secara sistematik di SJKT, terutamanya dari sudut persepsi dan pengalaman guru sebagai pelaksana utama modul.

Kajian ini mengisi jurang tersebut dengan mengkaji penggunaan Modul ABA yang mengintegrasikan teori Konstruktivisme, CLT, dan Drama dalam Pendidikan. Kajian ini bukan sahaja menilai pelaksanaan modul, tetapi juga meneliti pandangan guru terhadap keberkesanan pendekatan dramatik dalam konteks bilik darjah sebenar, sejajar dengan keperluan pedagogi inovatif dalam sistem pendidikan vernakular Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kaedah campuran (mixed-methods) yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang penggunaan Modul Act, Believe and Achieve (ABA) dalam pengajaran Bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai bukan sahaja tahap pelaksanaan modul, tetapi juga persepsi guru terhadap keberkesanan dan cabaran pelaksanaannya dalam konteks sebenar bilik darjah.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berasaskan reka bentuk deskriptif yang memfokuskan kepada penilaian amalan semasa guru menggunakan Modul ABA. Pendekatan ini sesuai digunakan apabila penyelidik ingin meneroka pandangan, sikap, dan pengalaman responden terhadap sesuatu fenomena pendidikan (Creswell & Plano Clark, 2022).

Sampel Kajian

Sampel kajian terdiri daripada 14 orang guru Bahasa Tamil dari beberapa SJKT di Negeri Sembilan dan Selangor. Pemilihan sampel dibuat secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) bagi memastikan peserta mempunyai pengalaman langsung menggunakan atau menilai modul ABA dalam PdPc Bahasa Tamil. Responden terdiri daripada guru berpengalaman antara lima hingga dua puluh tahun yang aktif dalam pelaksanaan pendekatan inovatif seperti pembelajaran berasaskan drama dan komunikasi.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan tiga instrumen utama:

1. Soal Selidik Skala Likert Empat Mata
 - untuk menilai persepsi guru terhadap keberkesanan Modul ABA, tahap penggunaan, dan faktor-faktor sokongan.
 - item diadaptasi daripada kajian Vanitha et al. (2024) dan Hu et al. (2025) dengan nilai kebolehpercayaan Cronbach's Alpha = 0.87.
2. Temu Bual Separuh Berstruktur
 - bagi mendapatkan pandangan mendalam guru tentang pengalaman dan cabaran pelaksanaan Modul ABA.
3. Pemerhatian Bilik Darjah dan Catatan Lapangan
 - bagi mengenal pasti bentuk pelaksanaan sebenar aktiviti drama dan interaksi murid dalam fasa *Act*, *Believe*, *Achieve*.

Analisis Data

Data kuantitatif dianalisis menggunakan SPSS Versi 27 bagi menghasilkan statistik deskriptif (min, sisihan piawai, dan peratusan). Data kualitatif pula dianalisis menggunakan pendekatan tematik Braun dan Clarke (2021), yang melibatkan proses pengekodan, pengelompokan tema, dan triangulasi antara temu bual dan pemerhatian. Gabungan analisis ini meningkatkan kesahan dapatan (Flick, 2022).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Persepsi Guru terhadap Modul ABA

Analisis soal selidik menunjukkan bahawa guru mempunyai persepsi sangat positif terhadap penggunaan Modul ABA (min keseluruhan = 3.74). Sebilangan besar responden bersetuju bahawa modul ini meningkatkan penglibatan murid ($M = 3.86$), memupuk keyakinan diri ($M = 3.79$), dan meningkatkan kemahiran komunikasi ($M = 3.71$).

Dapatan ini disokong oleh hasil temu bual yang menunjukkan guru berpendapat bahawa aktiviti drama memberi peluang kepada murid untuk berfikir secara kreatif dan berani menyampaikan pandangan. Guru 5 menyatakan bahawa:

"Sebelum ini murid hanya membaca skrip, tetapi dengan aktiviti lakonan ABA mereka mula berbicara dengan ekspresi dan keyakinan."

Hasil ini sejajar dengan dapatan Luo (2024) dan Míguez-Álvarez et al. (2025) yang menunjukkan bahawa process drama meningkatkan kefasihan dan penglibatan pelajar kerana ia mengurangkan tekanan dan meningkatkan pembelajaran bermakna.

Tahap Pelaksanaan Modul

Tahap pelaksanaan Modul ABA berada pada kategori tinggi (min = 3.78). Guru melaporkan bahawa aktiviti dalam fasa Act seperti lakonan, penceritaan spontan dan simulasi situasi amat digemari pelajar, manakala fasa Believe (refleksi sendiri) membantu pelajar menilai kekuatan diri. Dalam fasa Achieve, pelajar berjaya menghasilkan penulisan kreatif dan persembahan kumpulan yang menunjukkan peningkatan kosa kata dan struktur ayat.

Hasil ini disokong oleh Rathidevi (2021) yang mendapati bahawa pelaksanaan modul interaktif berasaskan teori konstruktivisme dan interaksionalisme meningkatkan pemahaman linguistik dan kreativiti pelajar. Begitu juga, Ramalingam et al. (2022) mendapati bahawa pendekatan *digital storytelling* yang berasaskan naratif dan espresi membantu pelajar Tamil berfikir secara reflektif dan menyampaikan mesej dengan lebih baik.

Cabaran Pelaksanaan Modul ABA

Walaupun pelaksanaan Modul ABA menunjukkan hasil positif, guru melaporkan beberapa cabaran utama yang menjejaskan pelaksanaan optimum, iaitu:

1. Kekangan masa PdPc - guru menghadapi kesukaran melaksanakan aktiviti drama secara menyeluruh dalam tempoh 30-40 minit masa pengajaran (Kupusamy et al., 2022).
2. Kekurangan ruang dan sumber bahan - sebahagian bilik darjah tidak mempunyai ruang yang sesuai untuk aktiviti lakonan atau persembahan kumpulan (Ramakrishnan, 2024).
3. Tahap sokongan pentadbiran dan latihan guru yang terhad - guru belum mendapat latihan profesional khusus tentang penggunaan Modul ABA berasaskan drama dan refleksi (Durga Devi, 2023).

Namun demikian, guru turut menyatakan bahawa modul ini mudah disesuaikan dengan aktiviti kurikulum sedia ada dan mempunyai potensi besar jika diberi masa dan latihan yang mencukupi.

Perbincangan Dapatan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Modul ABA berpotensi menjadi pendekatan pedagogi yang berkesan dalam pengajaran Bahasa Tamil di SJKT. Pendekatan dramatik dan reflektif yang diterapkan dalam modul ini membantu pelajar membangunkan kemahiran linguistik, sosial dan emosi secara serentak.

Hasil ini menyokong teori Konstruktivisme (Vygotsky, 1978) yang menegaskan bahawa pelajar membina makna melalui pengalaman dan interaksi sosial. Pada masa yang sama, ia juga selaras dengan teori Communicative Language Teaching (Hymes, 1972) yang menekankan pembelajaran bahasa berasaskan komunikasi autentik.

Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian antarabangsa seperti Hu et al. (2025) dan Putri (2025) yang menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa melalui kolaborasi dan drama bukan sahaja meningkatkan

kemahiran bahasa, tetapi juga memperkukuh keyakinan diri dan kreativiti pelajar. Dalam konteks tempatan, Modul ABA berperanan melengkapkan jurang antara pendekatan tradisional dan pedagogi inovatif dengan menyediakan suasana PdPc yang aktif, menyeronokkan dan berpusatkan pelajar.

Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting terhadap bidang pedagogi bahasa, pembangunan profesional guru, dan dasar pendidikan nasional.

Implikasi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Tamil

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan drama dan refleksi dalam Modul ABA membantu pelajar memahami konteks penggunaan bahasa dengan lebih bermakna. Oleh itu, implikasinya terhadap pengajaran Bahasa Tamil ialah guru perlu beralih daripada kaedah berpusatkan tatabahasa kepada kaedah berpusatkan komunikasi dan pengalaman. Aktiviti lakonan, simulasi dan penceritaan memberi peluang kepada murid untuk mengaplikasikan kosa kata, struktur ayat dan intonasi secara autentik.

Selain itu, penggunaan Modul ABA juga dapat menyokong pelaksanaan Kemahiran Abad ke-21 (4K-komunikasi, kolaborasi, kreativiti dan pemikiran kritikal) seperti yang digariskan dalam *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Ia menekankan bahawa pembelajaran perlu menggalakkan pelajar berfikir, bertindak, dan berkomunikasi secara aktif (KPM, 2023).

Implikasi terhadap Latihan dan Profesionalisme Guru

Guru merupakan pelaksana utama yang menentukan kejayaan sesuatu inovasi pendidikan. Oleh itu, kajian ini menegaskan keperluan latihan profesional berterusan (Continuous Professional Development, CPD) bagi guru Bahasa Tamil agar mereka lebih bersedia melaksanakan pendekatan berasaskan drama dan CLT. Latihan ini harus merangkumi:

- teknik fasilitasi aktiviti lakonan dan main peranan,
- kaedah memberi maklum balas reflektif, dan
- integrasi teknologi digital (contohnya *digital storytelling* dan *drama video-based learning*).

Dapatan ini selaras dengan cadangan Rathidevi (2021) dan Durga Devi (2023) yang menyatakan bahawa guru perlu dibekalkan kemahiran pedagogi baharu supaya pengajaran Bahasa Tamil tidak lagi bersifat tradisional tetapi interaktif dan bermakna.

Implikasi terhadap Dasar Pendidikan

Hasil kajian ini turut memberi implikasi terhadap pelaksanaan dasar pendidikan kebangsaan yang menekankan pendekatan Pembelajaran Berasaskan Murid (PBM) dan Pengajaran Inovatif. Modul ABA boleh dijadikan model rintis untuk integrasi pendekatan drama dan refleksi dalam kurikulum Bahasa Tamil KSSR. Jika dilaksanakan secara menyeluruh, modul ini berpotensi menyumbang kepada usaha KPM memperkukuh Bahasa Ibunda sebagai medium pembinaan jati diri dan pemikiran kritikal.

Cadangan Penambahbaikan dan Kajian Lanjutan

Berdasarkan dapatan dan refleksi penyelidik, beberapa cadangan dikemukakan bagi memperkukuh pelaksanaan Modul ABA serta memperluas skop kajian akan datang:

1. Memperluas latihan guru:
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) disaran melaksanakan bengkel latihan mengenai pendekatan drama dalam PdPc Bahasa Tamil supaya guru lebih yakin mengendalikan aktiviti ABA secara konsisten.
2. Pembangunan bahan sokongan digital:
Modul ABA boleh ditambah baik melalui pembangunan aplikasi digital atau platform interaktif bagi memudahkan guru mengakses bahan lakonan, video pembelajaran, dan panduan refleksi murid.
3. Kajian keberkesanan longitudinal:
Kajian masa depan boleh menilai keberkesanan Modul ABA secara longitudinal dengan menggabungkan kaedah pra dan pasca ujian (t-test) untuk mengukur perubahan prestasi murid dari segi lisan, penulisan, dan motivasi.
4. Pengembangan modul ke peringkat lain:
Kajian lanjutan wajar menilai kesesuaian ABA untuk prasekolah dan sekolah menengah Tamil agar pembelajaran berasaskan drama dapat diintegrasikan sepanjang kesinambungan pendidikan Bahasa Tamil.
5. Kajian perbandingan lintas bahasa:
Kajian seterusnya boleh membandingkan keberkesanan pendekatan ABA antara Bahasa Tamil, Bahasa Melayu, dan Bahasa Inggeris bagi mengenal pasti potensi modul ini sebagai model pedagogi pelbagai bahasa di sekolah vernakular Malaysia.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan Modul Act, Believe and Achieve (ABA) berpotensi memperkukuh pengajaran Bahasa Tamil melalui pendekatan drama, refleksi, dan pembelajaran berasaskan pengalaman. Guru menunjukkan persepsi positif terhadap modul ini kerana ia mampu meningkatkan penglibatan, keyakinan dan kefasihan berbahasa murid.

Walaupun terdapat cabaran seperti kekangan masa dan sumber, dapatan menunjukkan bahawa Modul ABA menyediakan ruang pembelajaran aktif dan menyeronokkan yang berpusatkan murid serta sejajar dengan prinsip konstruktivisme dan CLT. Modul ini bukan sahaja memperkaya strategi PdPc Bahasa Tamil, tetapi juga memperkukuh usaha KPM dalam melahirkan murid berfikiran kreatif dan komunikatif.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyarankan agar Modul ABA dijadikan satu inovasi berimpak tinggi dalam sistem pendidikan Tamil vernakular dan dikembangkan melalui latihan guru, bahan digital, serta kajian lanjutan bagi menilai impak jangka panjang terhadap pembelajaran bahasa ibunda di Malaysia.

Rujukan

- Braun, V., & Clarke, V. (2021). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2017). *Designing and conducting mixed methods research* (4th ed.). SAGE publications.
- Durga Devi, T. (2023). *Pembinaan Prototaip VAGAT Dalam Peningkatan Kemahiran Bertutur Murid Sekolah Tamil*. Jurnal Pendidikan Bahasa Tamil Malaysia, 13(2), 45-58.
- Flick, U. (2022). *Introducing research methodology: A beginner's guide to doing a research project* (4th ed.). SAGE.
- Gopinath, S., & Kumar, M.(2023). *Integrating gamification in Tamil language learning to enhance motivation*. Malaysian Journal of Education Studies, 48(3), 90-102.
- Heathcote, D., & Bolton, G. (1995). *Drama for learning: Dorothy Heathcote's mantle of the expert approach*. Heinemann.
- Hu, X., Wang, L., & Li, Y. (2025). *Drama pedagogy and communicative competence in language education*. Teaching and Teacher Education, 134, 104374.
- Hymes, D. (1972). *Communicative competence*. In Pride, J. B., & Holmes, J. (Eds.), *Sociolinguistics* (pp. 269-293). Penguin.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2023). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Semakan)* Putrajaya: KPM.
- Kupusamy, D., Omar, M. S., & Samsudin, N. H. (2022). *Kemahiran bertutur dalam kalangan murid sekolah jenis kebangsaan Tamil di daerah Seremban*. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 12(3), 45-60.
- Luo, Y. (2024). *Process drama and student engagement in mulilingual classrooms*. Journal of Applied Linguistics and Education Research, 18(2), 121-137.
- Meedendorp, J., Bell, S., & Andrews, R. (2025). *Drama-based learning to enhance emotional literacy in language education*. Educational Psychology International, 29(1), 54-70.
- Miguez-Álvarez, C., Pérez-Ferreiro, E., & Arias, M. (2025). *Drama in second language learning: A systematic review*. Language Teaching Research, 29(1), 78-95.
- Piaget, J. (1954). *The construction of reality in the child*. Basic Books.
- Putri, N. A. (2025). *Communicative language teaching and student agency in ESL contexts*. TESOL Journal, 16(1), 205-219.
- Ramakrishnan, M. (2024). *Cabaran guru Bahasa Tamil dalam pengajaran abad ke-21*. Malaysian Journal of Humanities and Language Studies, 14(2), 102-113.

Ramalingam, S., Ganesan, V., & Devi, P. (2022). *Digital storytelling as a pedagogical tool in Tamil language education*. *Asian Journal of Education and e-Learning*, 10(4), 55-68.

Rathidevi, S. (2021). *Pembinaan, pelaksanaan dan kesan modul tatabahasa Bahasa Tamil berpandukan teori interaksional, teori konstruktivisme dan strategi dekonstruktivisme*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Tamil Malaysia*, 11(1), 1-16.

Richards, J. C. (2020). *Approaches and methods in language teaching* (4th ed.). Cambridge University Press.

Shanmugam, R. (2021). *Pendekatan main peranan dalam meningkatkan kemahiran komunikasi murid Tamil*. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Komunikasi*, 12(2), 67-81.

Subramaniam, K., & Rajan, V. (2023). *Issues and challenges in teaching Tamil as a first language in Malaysian vernacular schools*. *Language Education in Asia*, 14(3), 230-241.

Vanitha, V. A. P., Ravindaran, M., & Sillalee, S. K. (2024). *The effectiveness of a Tamil story writing-learning module guided by the 5E Inquiry Learning Model among Tamil school students*. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(12), 1846-1850.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.